



JABATAN PENDIDIKAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
Bahagian Kecemerlangan Akademik  
Aras 4, No.2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

**JPT** JABATAN  
PENDIDIKAN  
TINGGI

Tel: 603-88706541  
Faks (Fax): 603-88706850  
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj. Kami : JPT(A) 1000/001/013/17Jld.8 (42)  
Tarikh : 17 Mac 2025

**YBrs. Prof. Dr. Mohd Shafry bin Mohd Rahim**  
Naib Canselor  
Sultan Ibrahim Chancellery Building  
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)  
Skudai  
**81310 JOHOR**

YBrs. Prof.,

**KEPUTUSAN MESUARAT SARINGAN AWAL BIL.1/2025 BAGI  
PERMOHONAN PENAWARAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU OLEH  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesuarat Saringan Awal (MSA) Bil. 1/2025 yang diadakan pada 25 Februari 2025 telah membuat keputusan seperti berikut:

BIL.	PROGRAM	KEPUTUSAN
i.	<b>Sarjana Muda Analitik Perniagaan dengan Kepujian</b> <i>Bachelor in Business Analytics with Honours</i>	Lulus
ii.	<b>Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian</b> <i>Bachelor of Business Administration with Honours</i>	Tidak Lulus
iii.	<b>Sarjana Muda Teknologi Elektrik dan Elektronik dengan Kepujian</b> <i>Bachelor of Technology in Electrical and Electronics with Honours</i>	Lulus

BIL.	PROGRAM	KEPUTUSAN
iv.	<b>Sarjana Muda Kejuruteraan Komunikasi dengan Kepujian</b> <i>Bachelor of Communication Engineering with Honours</i>	Lulus

3. Untuk makluman YBrs. Prof., pembangunan program ini perlu menggunakan sumber kewangan dalaman sedia ada tanpa melibatkan sebarang implikasi kewangan, fizikal dan perjawatan kepada pihak Kementerian. Kelulusan ini adalah sah selama dua (2) tahun dari tarikh surat ini dikeluarkan. Pihak universiti perlu mengemukakan permohonan kelulusan program ke Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) dalam tempoh dua (2) tahun ini. Jika tidak berbuat demikian, pihak UA perlu mengemukakan semula permohonan ini ke peringkat MSA.


4. Bersama-sama ini disertakan cabutan minit MSA Bil. 1/2025 seperti di lampiran untuk rujukan bagi tujuan penambahbaikan program dan makluman YBrs. Prof.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK PROFESOR DR. AZLINDA AZMAN)

s.k. :

1. **Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)**  
Universiti Teknologi Malaysia  
81310 Johor Bahru  
JOHOR

**2. Ketua Pegawai Eksekutif**  
Agenzi Kelayakan Malaysia (MQA)  
Mercu MQA  
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyberjaya 5  
63000 Cyberjaya  
**SELANGOR**

## **MINIT MESYUARAT SARINGAN AWAL (MSA) BIL.1/2025**

**Tarikh** : **25 Februari 2025 (Selasa)**  
**Masa** : **9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari**  
**Tempat** : **Bilik Mesyuarat Al-Biruni 1**  
**(Fizikal)** **Jabatan Pendidikan Tinggi**  
**Aras 9, No.2, Menara 2**  
**62200 Putrajaya**  
**Dalam Talian:** **Aplikasi Google Meet**  
**Pengerusi** : **YBrs. Prof. Madya Dr. Azidah binti Abu Ziden**  
**Pengarah Bahagian Kecemerlangan Akademik**  
**Jabatan Pendidikan Tinggi**

### **KEHADIRAN AHLI MESYUARAT**

Rujuk **Lampiran A**

#### **1. PERUTUSAN PENGERUSI**

- 1.1. YBrs. Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam dan ucapan terima kasih serta mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat;
- 1.2. Universiti Awam (UA) adalah diingatkan untuk memastikan program yang dirancang memenuhi keperluan guna tenaga negara selain memastikan program yang bakal dilaksanakan dapat menjamin kebolehpasaran graduan terutamanya dengan mengambil kira situasi ekonomi ketika ini;
- 1.3. UA juga adalah diharapkan untuk memastikan program akademik baharu yang dicadangkan mempunyai libat urus dengan pihak industri, komuniti atau pihak berkepentingan lain. UA hendaklah mendapatkan laporan kajian pasaran daripada pihak industri sama ada industri tempatan atau antarabangsa terhadap program yang hendak dilaksanakan;
- 1.4. Selain itu, dalam merancang pelaksanaan program baharu juga, UA adalah diingatkan untuk berpandukan segala dasar, garis panduan, Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Framework, MQF*), Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA*) dan standard program yang

berkaitan yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau badan profesional yang berkaitan; dan

- 1.5. YBrs. Pengerusi juga berharap panel yang hadir pada hari ini dapat memberi segala pandangan dan input berkaitan dalam memastikan program akademik yang berpotensi, bersifat lestari dan diperlukan dalam pasaran semasa boleh dipertimbangkan untuk ditawarkan oleh UA.

## 2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1. Ahli mesyuarat mencadangkan agar Minit Mesyuarat Saringan Awal (MSA) Bil.5/2024 disahkan dengan pindaan seperti berikut:

Minit asal	Pindaan
Puan Ainil Nilam binti Mohd Mokhtar  Pengarah Bahagian Koordinasi & Rujukan, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).	Puan Ainil Nilam binti Mohd Mokhtar  Pengarah Bahagian Koordinasi & Rujukan Jaminan Kualiti, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

## 3. RINGKASAN KEPUTUSAN MSA BIL.5/2024

- 3.1. Mesyuarat mengambil maklum keputusan MSA Bil.5/2024 adalah seperti berikut:

Bil.	Keputusan	Bilangan Program Akademik
1.	Lulus	4
2.	Tidak Lulus	-
3.	Lulus Bersyarat	-
4.	Tangguh Kelulusan	2
	<b>Jumlah</b>	<b>6</b>

#### 4. PEMBENTANGAN KERTAS CADANGAN SARINGAN AWAL PROGRAM AKADEMIK BAHARU

##### 4.3 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

4.3.1 Ringkasan permohonan adalah seperti berikut:

Perkara	Program		
Program Akademik	<b>Sarjana Muda Analitik Perniagaan dengan Kepujian</b> <i>Bachelor in Business Analytics with Honours</i>		
Tahap KKM	Tahap 6		
NEC	0414 Management and Administration		
Jam Kredit	120 kredit		
Mod Pengajian	Konvensional		
Entiti Akademik	Fakulti Pengurusan, UTM (JB & KL)		
Jangka Masa Pengajian	Jenis Pengajian	Minimum	Maksimum
	Sepenuh masa	3 tahun (6 semester)	4.5 tahun (9 semester)
	Separuh masa	6 tahun (12 semester)	10 tahun (20 semester)

4.3.2 Mesyuarat mengambil maklum:

a) Pemakluman UTM adalah seperti berikut:

- (i) Program akademik baharu ini tidak memerlukan pengiktirafan daripada mana-mana badan profesional;
- (ii) Program ini mempunyai empat (4) Objektif Pendidikan Program (PEO) dan kaedah penyampaian adalah secara konvensional;
- (iii) Program ini memberi pelajar pendedahan kepada pelbagai teknologi analitik mengikut tren semasa. Program ini mempunyai pengkhususan akademik SAS Tier-1 di peringkat Sarjana Muda (Level 6), dimana pelajar akan mempunyai nilai tambah seperti berikut:

- a. Status “SAS – UTM Academic Specialization in Business Analytics” apabila bergraduat.
  - b. Sijil Professional “Data Visualization for Business (Certification: SAS® Visual Analytics Using SAS® Viya)” (pelajar perlu menduduki dan lulus peperiksaan) dalam tempoh pengajian.
- (iv) Program ini menawarkan yuran yang berpadanan dengan pelaksanaan pensijilan profesional (SAS) sebagai nilai tambah melalui Lencana Digital SAS berbanding universiti di luar negara.
- (v) Justifikasi mengadakan program akademik adalah seperti berikut:
- a. Terdapat peningkatan pada keperluan tenaga kerja di dalam sektor perkhidmatan. Unjuran statistik dari tahun 2015 sehingga 2025 seperti yang dilaporkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Unit Perancangan Ekonomi dalam Laporan Statistik Pekerjaan dan Perburuhan Siri 36 Bil. 2/2023, menunjukkan peningkatan pengambilan pekerja di Sektor Perkhidmatan dari 8.1 juta pada tahun 2015 kepada 9.2 juta pekerja pada tahun 2020. Dianggarkan jumlah pengambilan pekerja di Sektor Perkhidmatan akan meningkat ke angka 9.9 juta pekerja pada tahun 2025;
  - b. Jenis pekerjaan berkaitan dan jumlah keperluan industri berdasarkan Labour Force Survey Malaysia 2022 oleh DOSM menunjukkan bahawa kadar Tenaga Buruh di Malaysia telah berkembang sebanyak 1.4 peratus, iaitu dari 15.80 juta orang di tahun 2021 kepada 16.02 juta orang pada tahun 2022. Menurut laporan yang sama, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) kekal menunjukkan trend menaik sebanyak 0.7 peratus. Peratusan besar dalam perkembangan ekonomi negara merekodkan, Sektor Perkhidmatan menyumbang sebanyak 65.0 peratus bilangan penduduk bekerja yang berkemahiran tinggi;
  - c. Program ini berupaya memenuhi keperluan tenaga kerja di dalam sektor perkhidmatan.

- (vi) Unjuran pengambilan pelajar sepenuh masa program akademik ini dalam tempoh lima (5) tahun adalah 70 orang pelajar pada setiap tahun; dan
- (vii) Program akademik baharu ini tidak melibatkan implikasi perjawatan, fizikal dan namun masih memerlukan sumber kewangan dari pihak Kementerian.

**b) Pandangan MQA adalah seperti berikut:**

- (i) Pihak MQA berpendapat program ini boleh dipertimbangkan untuk diluluskan, dan memaklumkan program ini termasuk dalam kategori pengkhususan baru oleh MQA. Pengisian program akademik ini juga dilihat menarik dan memberikan kelebihan kepada bakal pelajar seperti Lencana Digital dan Pensijilan Profesional (SAS).

**c) Pandangan JPT (Pengerusi) adalah seperti berikut:**

- (i) YBrs. Pengerusi berpendapat program ini menarik dan pengisian program mengikut keperluan masa kini.

4.3.3 Mesyuarat bersetuju agar permohonan ini **DILULUSKAN** selepas mengambil kira perenggan 4.3.2 a) hingga 4.3.2 c).

**Tindakan:**

**UTM**

**BKA**

#### 4.4 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

4.4.1 Ringkasan permohonan adalah seperti berikut:

<b>Program Akademik</b>	<b>Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian</b> <i>Bachelor of Business Administration with Honours</i>
<b>Tahap KKM</b>	Tahap 6
<b>NEC</b>	0414 <i>Management and Administration</i>
<b>Jam Kredit</b>	121 kredit
<b>Mod Pengajian</b>	<i>Open &amp; Distance Learning (ODL)</i>
<b>Entiti Akademik</b>	Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan

	Berterusan (SPACE) Universiti Teknologi Malaysia		
<b>Jangka Masa Pengajian</b>	Jenis Pengajian	Minimum	Maksimum
	Sepenuh masa	3 tahun (6 semester)	4.5 tahun (9 semester)
	Separuh masa	5 tahun (10 semester)	10 tahun (20 semester)

#### 4.4.2 Mesyuarat mengambil maklum:

##### a) Pemakluman UTM adalah seperti berikut:

- (i) Program akademik baharu ini tidak memerlukan pengiktirafan daripada badan profesional;
- (ii) Program ini mempunyai lima (5) Objektif Pendidikan Program (PEO) mengikut ketetapan Standard Program Pengajian Perniagaan (Edisi 2021) dan *Malaysian Qualifications Framework 2.0*;
- (iii) Justifikasi mengadakan program akademik adalah seperti berikut:
  - a. Program ini popular kerana ianya memenuhi beberapa bidang utama yang selari dengan pertumbuhan atau pembangunan industri pentadbiran perniagaan. Bidang ini termasuk di dalam *Laporan Critical Occupations List (MyCOL) 2022/2023* daripada TalentCorp;
  - b. Program ini menawarkan fleksibiliti kepada pelajar untuk menjalani pengajian bergantung kepada masa dan keperluan pelajar. Kaedah ini akan membuka peluang yang luas kepada golongan yang mempunyai kekangan dari segi masa untuk menjalani kuliah secara konvensional. Fleksibiliti ini membantu pelajar untuk mendapatkan ijazah sarjana muda tanpa memerlukan pelajar meninggalkan apa jua aktiviti yang sedang dijalani;
  - c. Justifikasi untuk mengadakan program ini secara ODL juga adalah kerana mengambil kira jumlah pelajar sepenuh masa program Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Perniagaan Antarabangsa) secara

konvensional yang kurang memberangsangkan. Kewujudan program ini secara ODL diharapkan dapat meningkatkan serta menambah bilangan pelajar berbanding jumlah pelajar mendaftar secara konvensional;

- d. Permintaan dalam pasaran pendidikan tinggi dari pelajar antarabangsa dalam bidang pentadbiran perniagaan ini turut menyumbang kepada permintaan program ini dari luar negara. Selain itu, dengan penawaran program ini secara ODL juga memudahkan pelajar antarabangsa menyertai program ini berbanding secara konvensional;
- e. Melihat juga dari sudut kebolehpasaran program, terdapat banyak universiti telah memulakan langkah untuk menawarkan program akademik secara ODL dan perkara ini perlu disambut baik oleh UTM;
- f. Strategi penawaran dan peningkatan permintaan program ini telah disediakan dan antaranya:
  - a) Memberi pengiktirafan kepada pengalaman pekerjaan terdahulu (APEL.A) supaya lebih ramai golongan boleh mengikuti program ini;
  - b) Memberi laluan untuk melanjutkan pengajian kepada pelajar lepasan program diploma vokasional yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan memenuhi syarat kemasukan;
  - c) Menawarkan program mengikut keperluan agensi bagi tujuan meningkatkan kelayakan akademik pekerja.

- (iv) Kepesatan perkembangan teknologi di dalam dunia pendidikan tinggi semasa juga menunjukkan peralihan kaedah pembelajaran dari secara segerak ke secara tidak segerak. Integrasi teknologi melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi di dalam dunia pendidikan tinggi dalam ODL meningkatkan pengalaman pembelajaran dan membantu membangunkan kemahiran literasi digital;

- (v) Unjuran pengambilan pelajar sepenuh masa program akademik ini dalam tempoh lima (5) tahun adalah 30 orang pelajar bermula tahun pertama hingga tahun ke-2, diikuti 60 orang pada tahun ke-3 dan 90 orang pada tahun ke-4 hingga ke-5; dan
- (vi) Program akademik baharu ini tidak melibatkan implikasi perjawatan, fizikal dan kewangan kepada Kementerian.

**b) Pandangan JPT (Pengerusi) adalah seperti berikut:**

- (i) YBrs. Pengerusi dan ahli mesyuarat yang lain berpendapat program ini telah banyak ditawarkan oleh IPT terutamanya IPTS menawarkan program ini secara ODL. Justeru tiada keperluan UTM untuk turut menawarkan lagi program yang seumpama ini. Bilangan enrolmen program seumpama ini juga tidak banyak berdasarkan maklum balas BKPA.

**c) Pandangan MQA adalah seperti berikut:**

- (i) Pihak MQA berpandangan bahawa program ini telah terlalu banyak ditawarkan di UA dan IPTS. Tiada perbezaan ketara dengan program lain yang sedia ada dari segi ciri-ciri yang terkini walaupun sasarannya adalah untuk pelajar antarabangsa. Pihak MQA juga tidak yakin bahawa UTM boleh mendapat jumlah pelajar yang mencukupi bagi program ini.

**d) Pandangan BEM adalah seperti berikut:**

- (i) Pihak BEM berpendapat dalam pembentangan, UTM telah membuat perkongsian tentang penawaran program sama oleh IPTS secara umum sahaja. Keunikan program UTM tidak keterlihatan dalam pembentangan. Program secara ODL seumpama ini banyak ditawarkan oleh IPTS seperti OUM, UNIRAZAK dan lain-lain.

4.4.3 Mesyuarat bersetuju agar permohonan ini **TIDAK DILULUSKAN** selepas mengambil kira perenggan 4.4.2 a) hingga 4.4.2 d).

**Tindakan:**

#### 4.5. UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

4.5.1. Ringkasan permohonan adalah seperti berikut:

<b>Program Akademik</b>	<b>Sarjana Muda Teknologi Elektrik dan Elektronik dengan Kepujian</b> <i>Bachelor of Technology in Electrical and Electronics with Honours</i>		
<b>Tahap KKM</b>	Tahap 6		
<b>NEC</b>	0719 <i>Engineering and engineering trades not elsewhere classified</i>		
<b>Jam Kredit</b>	120 kredit		
<b>Mod Pengajian</b>	Konvensional		
<b>Entiti Akademik</b>	Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan (SPACE) Universiti Teknologi Malaysia		
<b>Jangka Masa Pengajian</b>	Jenis Pengajian	Minimum	Maksimum
	Sepenuh masa	3 tahun (6 semester)	4.5 tahun (9 semester)
	Separuh masa	5 tahun (10 semester)	10 tahun (20 semester)

4.5.2. Mesyuarat mengambil maklum:

a) Pemakluman UTM adalah seperti berikut:

- (i) Program akademik baharu ini memerlukan pengiktirafan Lembaga Teknologis Malaysia;
- (ii) Program ini menggunakan dokumen rujukan Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal;
- (iii) Program ini tidak melibatkan sebarang institusi/organisasi bekerjasama;

- (iv) Program ini mempunyai tiga (3) Objektif Pendidikan Program (PEO);
- (v) Justifikasi mengadakan program akademik adalah seperti berikut:
- a. Berdasarkan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara, Malaysia perlu memberi tumpuan dalam membangunkan keupayaan dalam lima teknologi asas 4IR, iaitu AI, IoT, blockchain, bahan dan teknologi termaju serta pengkomputeran awan dan analitis data raya. Oleh itu, Malaysia perlu memanfaatkan industri elektrik dan elektronik (E&E) yang kukuh bagi melonjakkan pertumbuhan lima teknologi asas tersebut. Industri E&E merupakan penjana eksport terbesar di Malaysia dan telah mendapat pengiktirafan sebagai satu dari lokasi pilihan bagi kluster industri ini di dunia. E&E mempunyai hubung kait dan penggunaan dalam pelbagai industri, seperti IoT, elektronik automotif dan pengkomputeran peribadi. Perkembangan ini memberi indikator kepada keperluan terhadap menghasilkan graduan dari disiplin Teknologi Elektrik & Elektronik;
  - b. Berdasarkan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), bidang elektronik dan elektronik merupakan antara salah satu bidang yang diberikan tumpuan oleh industri kerananya banyak memberikan manfaat dan faedah kepada negara dan masyarakat. Di samping itu, pelan tersebut menekankan kepada pembangunan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi serta penerapan teknologi baru seperti AI, robotik dan pengautomatan dan cip EV;
  - c. Berdasarkan hasil kajian pasaran, program Sarjana Muda Teknologi Elektrik Dan Elektronik Dengan Kepujian sangat berpotensi untuk menghasilkan graduan yang sesuai dengan pasaran buruh masa kini. Dapatan kajian pasaran terhadap 75 responden, 88% (66 responden) mendapati program ini berupaya membekalkan graduan yang sesuai dengan keperluan pasaran buruh. Di samping itu, program ini memberi

- fleksibiliti kepada graduan dalam merancang prospek kerjaya;
- d. *Critical Occupational List (COL)* tahun 2022/2023 telah menyenaraikan 37 pekerjaan kritikal yang memerlukan jumlah perkerja yang ramai dan berkemahiran tinggi berdasarkan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO).
  - (vi) Unjuran pengambilan pelajar sepenuh masa program akademik ini dalam tempoh lima (5) tahun adalah 90 orang pelajar bermula tahun pertama hingga tahun ke-5; dan
  - (vii) Program akademik baharu ini tidak melibatkan implikasi perjawatan, fizikal dan kewangan kepada Kementerian.
- b) Pandangan KE adalah seperti berikut:**
- (i) Pihak KE berpendapat penawaran program ini bakal memberikan saingan kepada Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang sepatutnya menawarkan program-program seumpama ini.
- c) Pandangan MIDA adalah seperti berikut:**
- (i) Pihak MIDA berpendapat program ini sesuai untuk ditawarkan dan MIDA boleh membantu sekiranya pihak universiti memerlukan cadangan atau senarai industri dan untuk kursus WBL pihak MIDA boleh membantu menghubungkan dan mencadangkan pihak industri yang bersesuaian. MIDA menyokong penuh permohonan penawaran program ini.
- d) Pandangan MQA adalah seperti berikut:**
- (i) Pihak MQA memaklumkan dokumentasi tidak konsisten kerana kaedah pengajian dalam kertas cadangan adalah secara konvensional tetapi dalam pembentangan program ini berbentuk *Work-based learning (WBL)*. UTM perlu memastikan dokumen diselaraskan.

**e) Pandangan JPT adalah seperti berikut:**

- (i) Kesemua panel bersetuju dengan penawaran program ini. Walaubagaimanapun, pihak urusetia akan membawa isu penawaran program Teknologi Kejuruteraan oleh UTM untuk pertimbangan selanjutnya.
- 4.5.3 Mesyuarat bersetuju agar permohonan ini **DILULUSKAN** selepas mengambil kira perenggan 4.5.2 a) hingga 4.5.2 e).

**Tindakan:**  
**UTM**  
**BKA**

**4.6. UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)**

4.6.1. Ringkasan permohonan adalah seperti berikut:

Perkara	Program		
<b>Program Akademik</b>	<b>Sarjana Muda Kejuruteraan Komunikasi dengan Kepujian</b> <i>Bachelor of Communication Engineering with Honours</i>		
<b>Tahap KKM</b>	Tahap 6		
<b>NEC</b>	0713 Elektronik dan Automasi		
<b>Jam Kredit</b>	135 kredit		
<b>Mod Pengajian</b>	Konvensional		
<b>Entiti Akademik</b>	Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) Universiti Teknologi Malaysia		
<b>Jangka Masa Pengajian</b>	Jenis Pengajian	Minimum	Maksimum
	Sepenuh masa	4 tahun (8 semester)	6 tahun (12 semester)
	Separuh masa	6 tahun (12 semester)	8 tahun (16 semester)

4.6.2. **Mesyuarat mengambil maklum:**

**a) Pemakluman UTM adalah seperti berikut:**

- (i) Program akademik baharu ini memerlukan pengiktirafan daripada Lembaga Jurutera Malaysia dan mengikuti

standard keperluan Standard Engineering Accreditation Council 2024 (EAC 2024);

- (ii) Program akademik baharu ini tidak melibatkan kerjasama institusi dan organisasi luar;
- (iii) Program ini mempunyai tiga (3) Objektif Pendidikan Program (PEO);
- (iv) Justifikasi mengadakan program akademik adalah seperti berikut:
  - a. Mengambil kira perkembangan teknologi semasa yang berkembang dengan pesat dalam bidang kejuruteraan telekomunikasi, dan potensi pelaburan yang besar di Malaysia dalam bidang ini, FKE bercadang untuk mewujudkan program Sarjana Muda Kejuruteraan Komunikasi demi menampung kekurangan tenaga mahir dalam sektor teknologi kejuruteraan komunikasi di negara ini;
  - b. Mengambil kira unjuran keperluan pekerjaan di sektor awam dan swasta mengikut aliran semasa bidang kejuruteraan komunikasi bagi tempoh 5 tahun. Menurut laporan Malaysian Investment Development Authority (MIDA) tahun 2022, sub-sektor telekomunikasi telah menyaksikan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM3.7 bilion untuk sembilan bulan pertama pada tahun itu yang didorong sepenuhnya oleh sumber domestik. Selain itu, beberapa pelaburan besar dan penting yang telah diluluskan termasuk projek-projek pusat data dan infrastruktur telekomunikasi lain yang menunjukkan kesiapsiagaan Malaysia sebagai hab pusat data yang ideal. Justeru itu, tenaga kerja yang terlatih dan dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran tinggi dalam teknologi kejuruteraan komunikasi merupakan satu keperluan kritikal untuk menggerakkan sektor ini ke hadapan;
  - c. Data statistik MIDA menunjukkan bilangan peluang pekerjaan di Malaysia dalam bidang Elektrik & Elektronik (E&E) di bawah cabang kejuruteraan telekomunikasi selama 5 tahun yang lalu adalah

sebanyak 26,895 orang dengan jumlah pelaburan dalam industri telekomunikasi dari 2017 hingga 2022 sebanyak RM 2.2 bilion;

- d. Dapatan dari Labour Force yang dijalankan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) dan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) menunjukkan bidang kejuruteraan komunikasi tersenarai dalam bidang kritikal negara;
  - e. Sektor elektrik dan elektronik, serta sektor Digital, Informasi dan Teknologi Komunikasi (ICT), turut tersenarai dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP2030) yang dirangka oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri baru-baru ini;
  - f. Hasil dapatan daripada laman web pencarian pekerjaan juga menunjukkan bahawa bilangan peluang pekerjaan yang ditawarkan bagi jawatan jurutera rangkaian, jurutera frekuensi radio, jurutera sistem dan jurutera komunikasi data adalah sangat menggalakkan;
  - g. Perkembangan ini juga disokong oleh Laporan dari Ernst & Young untuk Digital Nasional Berhad yang menyatakan bahawa 148,000 bilangan pekerjaan dalam 2030 dan tenaga berkemahiran tinggi dalam bidang telekomunikasi terutama 5G akan terus meningkat.
- (v) Unjuran pengambilan pelajar sepenuh masa program akademik ini dalam tempoh lima (5) tahun adalah 60 pada tahun pertama dan ke-2, 90 orang pada tahun ke-3 dan ke-4 diikuti oleh 120 orang pada tahun ke-5; dan
- (vi) Program akademik baharu ini tidak melibatkan implikasi perjawatan, fizikal dan kewangan kepada Kementerian.

**b) Pandangan BEM adalah seperti berikut:**

- (i) Pihak BEM berpandangan permohonan kelulusan program ini merupakan *commercial decision*. Dari segi pengisian program yang dipohon, adalah baik dan mencukupi. Walaubagaimanapun, perlu diambil kira

bahawa UTM telah melupuskan program seumpama ini. Perkara ini perlu dipertimbangkan dalam keputusan.

**c) Pandangan MIDA adalah seperti berikut:**

- (i) Pihak MIDA memaklumkan pada ketika ini keperluan *data centre* di Johor sedang meningkat naik. Mungkin hasrat pihak UTM ingin memenuhi keperluan yang sedang melonjak ini. Terdapat banyak pelabur asing datang ke Malaysia secara khususnya Johor untuk melabur dalam *data centre*. MIDA menyokong penuh permohonan penawaran program ini.

**d) Pandangan JPT (Pengerusi) adalah seperti berikut:**

- (i) YBrs. Pengurus dan wakil BEM telah bersetuju dengan penawaran program ini yang dilihat selari dengan keperluan industri berdasarkan input yang dikemukakan oleh MIDA.

4.6.3 Mesyuarat bersetuju agar permohonan ini **DILULUSKAN** selepas mengambil kira perenggan 4.6.2 a) hingga 4.6.2 d).

**Tindakan:**  
**UTM**  
**BKA**

## 5. PERKARA-PERKARA LAIN

5.1 Pihak DOSM memaklumkan dapatan *survey* terkini tahun 2024 di mana sektor Elektrik dan Elektronik (E&E) terdapat kekosongan perjawatan sebanyak 31,000 di seluruh Malaysia.

**Tindakan:**  
**Makluman**

5.2 Pihak PTPTN mencadangkan pembentangan permohonan MSA akan datang supaya adanya ‘*wow factor*’ yang diperolehi dari kajian pasaran. Sebagai contoh penglibatan pihak industri serta dapatan peluang pekerjaan yang sedia ada untuk bakal graduan. Sekretariat MSA diminta memaklumkan maklumat ini kepada Universiti yang membuat permohonan baru akan datang.

**Tindakan:**  
**BKA**

## **6. PENANGGUHAN MESYUARAT**

Mesyuarat Saringan Awal (MSA) Bil.1/2025 ditangguhkan pada jam 12.25 tengah hari.

**Disediakan oleh:**  
Urus Setia MSA  
Bahagian Kecemerlangan Akademik  
Jabatan Pendidikan Tinggi